



SURAT AKU JANJI
[subperaturan 20(3)]

Saya....., No. Kad Pengenalan
beralamat di.....

dengan sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi peruntukan **ENAKMEN BADAN-BADAN BERKANUN NEGERI (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2002**, Perintah-Perintah Am, pekeliling dan surat pekeliling, peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh perkhidmatan saya dengan Lembaga. Maka dengan itu saya berjanji, sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan 3 ENAKMEN BADAN-BADAN BERKANUN NEGERI (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2002, bahawa saya-

- (i) akan sentiasa taat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Negeri dan Kerajaan Negeri;
- (ii) akan sentiasa melaksanakan tugas saya sebagai pegawai dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah, dan bertanggungjawab;
- (iii) tidak akan membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi saya;
- (iv) tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas awam saya;
- (v) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa saya telah membiarkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas rasmi saya sehingga menjejaskan kebergunaan saya sebagai pegawai;
- (vi) tidak akan menggunakan kedudukan saya sebagai pegawai bagi faedah diri saya sendiri;
- (vii) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam;
- (viii) tidak akan membawa atau cuba membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan saya atau tuntutan pegawai lain yang berhubungan dengan perkhidmatan awam; dan
- (ix) tidak akan ingkar perintah atau berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar Aku Janji ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut ENAKMEN BADAN-BADAN BERKANUN NEGERI (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2002.

.....
(**Tandatangan Pegawai**)

.....
(**Jawatan Pegawai**)

Di hadapan saya,

.....
(**Tandatangan Ketua Jabatan**)

.....
(**Nama dan No. Kad Pengenalan Ketua Jabatan**)

.....
(**Tarikh**)

.....
(**Cop Rasmi Jabatan**)